

Covid-19: Malaysia mahu sertai Perancis

UM - 5/9/2020 m/s:3

KUALA LUMPUR: Malaysia sedia bekerjasama dengan Perancis dalam menghasilkan vaksin bagi melawan Covid-19 yang telah mengorbankan lebih 800,000 orang di seluruh dunia.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan hasrat itu kepada Duta Besar Perancis ke Malaysia, Frederic Laplanche dalam kunjungan hormat duta tersebut ke pejabatnya di Putrajaya semalam.

Laplanche akan menamatkan perkhidmatannya hujung bulan ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka telah berbincang mengenai pelbagai aspek hubungan dua hala antara kedua-dua negara termasuk pandemik Covid-19 yang merekodkan lebih 300,000 kes positif di Perancis.

"Kami berkongsi pengalaman dan pandangan bagi menambah baik serta meningkatkan usaha mengawal penularan jangkitan virus ini," katanya dalam Facebook beliau semalam.

Muhyiddin berkata, Perancis sedang berusaha menghasilkan vaksin Covid-19 dengan tiga syarikat di negara itu terlibat dalam usaha tersebut.

"Saya telah menyampaikan hasrat Malaysia untuk turut bekerjasama dengan Perancis dalam penghasilan vaksin berkenaan," katanya.

Tambahnya, beliau juga



MUHYIDDIN Yassin berbual dengan Frederic Laplanche sewaktu Duta Besar Perancis itu membuat kunjungan hormat ke pejabatnya di Putrajaya semalam.

menyampaikan mesej agar Perancis menilai semula isu minyak sawit dengan sewajarnya pada masa akan datang.

"Saya difahamkan Parlimen Perancis pada 19 Disember 2018 telah meluluskan pindaan ke atas Belanjawan 2019 yang membawa kepada penamatan insentif cukai minyak sawit bermula tahun ini," ujarnya.

Namun ujar beliau, Laplanche memaklumkan jumlah import minyak sawit Malaysia ke Perancis pada 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding tahun 2018.

Selain itu katanya, Perancis memberi komitmen untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia dan menyatakan hasrat terlibat

sama dalam projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR).

"Sehingga tahun 2019, Perancis adalah negara pelabur keenam terbesar di Malaysia dalam kalangan negara Kesatuan Eropah (EU) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.69 bilion, yang memberikan pekerjaan kepada 18,094 rakyat Malaysia," katanya.